

KUALA LUMPUR PARK FESTIVAL 2025: DIPLOMASI HIJAU BERSAMA ASEAN 2025

Ada sesuatu yang istimewa apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Festival Taman Kuala Lumpur 2025 (KLPF 2025) di Taman Tasik Titiwangsa.

Dalam naungan keanggunan diraja itu, tersirat makna yang lebih dalam bahawa taman bukan sekadar ruang landskap, tetapi cerminan jiwa bangsa dan nadi peradaban kota.

Kehadiran baginda memperindah suasana dengan wibawa yang menyatukan tradisi dan masa depan; di bawah teduhan pohon dan hembusan bayu tasik, Kuala Lumpur berdiri bukan hanya sebagai bandar batu dan besi, tetapi sebuah kota yang bernafas bersama alam.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menzahirkan KLPF 2025 bukan sekadar pesta taman, tetapi satu manifesto hijau tentang bagaimana bandar tropika boleh bergerak ke hadapan tanpa meninggalkan akar ekologi. Ketika dunia semakin resah dengan perubahan iklim dan kepupusan biodiversiti, Kuala Lumpur memilih untuk menulis naratifnya sendiri iaitu tentang keharmonian, keterangkuman dan kesedaran.

Dengan tema "Kesatuan ASEAN Dalam Kepelbagaian", festival ini menjadi jambatan halus antara seni dan sains, budaya dan teknologi, manusia dan alam. Ia mengajak warga kota merenung masa depan – bahawa kemajuan bukan tentang meninggalkan bumi, tetapi bagaimana kita hidup selaras dengannya.

DARI REKREASI KE REGENERASI

Bermula 17 hingga 26 Oktober 2025 ini, Taman Tasik Titiwangsa sekali lagi menjadi nadi hijau Kuala Lumpur. Penganjuran kali kedua ini menyambung kejayaan KLPF 2023 yang mencatat kehadiran lebih 150,000 pelawat. Tahun ini, 250,000 pengunjung dijangka memenuhi ruang tasik ikonik yang berkilau di bawah langit tropika sekali gus menjadikan KLPF sebagai festival ekourban terbesar di Asia Tenggara.

Namun yang paling menarik bukan pada angka, tetapi pada falsafahnya. KLPF 2025 bukan sekadar tentang bunga dan pepohon mahupun senibina landskap yang mempesonakan, bahkan ia tentang hubungan diantara manusia dan bumi, antara seni dan pengetahuan.

Di tengah-tengah festival ini berdiri megah Urban Biosphere Pavilion, paviliun biodiversiti bandar pertama Malaysia. Ia menempatkan flora endemik dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, melambangkan keseimbangan antara kepelbagaian biologi dan identiti nasional. Paviliun ini bukan sekadar pameran botani, tetapi makmal hidup di mana akar dan data saling berhubung; tempat manusia mempelajari semula makna menjadi sebahagian daripada ekosistem.

Di sisi lain, "Mistikal Titiwangsa" menghidupkan semula kisah rakyat yang diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Puteri Gunung Ledang dan Si Tanggung bangkit dalam bentuk baharu, melalui instalasi cahaya dan hortikultur digital yang menggabungkan naratif lama dengan estetik moden. Di sini, mitos dan realiti bersatu, seraya mengingatkan kita bahawa imaginasi adalah sebahagian daripada keindahan alam manakala taman ialah pentas di mana cerita manusia dan alam sekitar saling bersentuhan.



KUASA KOMUNITI DAN DIPLOMASI BUDAYA

KLPF 2025 bernafas dengan semangat komuniti. Di bawah panji "Kesatuan ASEAN Dalam Kepelbagaian", festival ini menghimpunkan 120 kolektif seni dan pereka ekologi, dengan 40% penyertaan antarabangsa dari negara-negara ASEAN dan Jepun. Kolaborasi dengan Japan Foundation Asia Center melahirkan pameran "Nature Speaks" yang menggabungkan kaligrafi Jepun dengan gamelan Melayu dan motif batik sekali gus mengangkat simbol bahawa bahasa alam melangkaui sempadan geografi dan politik. Ritma kehidupan tropika berpadu dalam KL Genta: Festival Gendang dan Tarian, yang mempersembahkan keindahan rentak dari enam negara ASEAN dan empat negeri Malaysia.

Di sisi lain, Fiesta Makanan Halal ASEAN menjadi medan diplomasi kulineri dimana tempat aroma rempah Nusantara menyatu dengan kelembutan budaya jiran, dari rendang Minang hingga kari Kemboja, semuanya diletakkan sebaris bagi memberi peluang pengunjung menikmati cita rasa saudara dari negara serantau. Ekonomi hijau turut berdenyut di sepanjang festival. Bazar Pasaran ASEAN, dengan lebih 100 gerai makanan, tumbuhan dan kraf tempatan, memperlihatkan bagaimana ekonomi lestari boleh menjadi gaya hidup. DBKL mensasarkan impak ekonomi RM20 juta, meningkat daripada RM12 juta pada 2023 yang ia bukan sekadar angka keuntungan, sebaliknya menjadi simbol bahawa kelestarian juga mampu merangsang ekonomi.

Lebih menarik lagi, di tengah kota konkrit ini, 45 kebun mikro komuniti kini hidup semula dan tumbuh dari semangat gotong-royong menerusi tanah yang subur. Program "Green Start" misalnya membuka jalan untuk keluarga B40 mengusahakan pertanian bandar dan pengkomposan sisa makanan, menjadikan taman sebagai ruang kebersamaan dan pembelajaran. Di sinilah nilai sebenar festival betapa taman yang dibina dan dihiasi ini bukan sekadar menghijaukan bumi, tetapi juga memperindah jiwa manusia.



PLATFORM SERANTAU MENUJU SIDANG KEMUNCAK ASEAN 2025

Apabila Malaysia mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN 2025, KLPF berdiri sebagai pentas diplomasi hijau yang paling simbolik. Ia bukan sekadar festival biasa, tetapi pernyataan peradaban dengan mengesahkan bahawa

Kuala Lumpur mahu memimpin perbincangan serantau tentang pembangunan mampan dan reka bentuk bandar tropika.

Ia bukan sekadar cita-cita, bahkan dengan dukungan UN-Habitat dan Think City, taman-taman bandar kini menjadi instrumen dasar yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia menjadikan Kuala Lumpur bukan sekadar dikenali dengan bangunan ikonik pencakar langit, tetapi juga bandar yang memelihara pohon tinggi, dimana kota yang membangun bukan hanya menegak ke langit, tetapi juga merendah ke bumi.

Lebih daripada itu, KLPF 2025 menjadi prelude kepada Tahun Melawat Malaysia 2026, membawa bersama visi Bandar CHASE (Clean, Healthy, Advanced, Safe & Environmental-Friendly). Kuala Lumpur tampil bukan hanya sebagai ibu kota moden, tetapi ibu kota hijau ASEAN, di mana kemodenan dan alam bukan dua kutub yang bertentangan, sebaliknya dua sisi pada cermin yang sama.

DARI TAMAN KE TAMADUN HIJAU

Akhirnya, Kuala Lumpur Park Festival 2025 bukan sekadar festival, ia adalah pernyataan jiwa dan intelektual bandar. Ia juga mengingatkan bahawa peradaban bukan dibina atas konkrit semata-mata, tetapi atas tanah yang disuburkan dengan kasih dan kesedaran. Di sinilah Kuala Lumpur menulis kisahnya iaitu sebuah kota yang belajar untuk bernafas bersama pohon-pohon yang ditanamnya, sebuah masyarakat yang kembali mencari makna dan menghayati kehijauan dalam kemodenan.

Dan di bawah payung redup Taman Titiwangsa warga kota bakal menyaksikan betapa penganjuran festival ini merupakan makna yang lebih besar daripada sekadar acara dwitahunan, bahkan ia adalah tamsil kepada tamadun hijau yang menjadi warisan kepada ASEAN, dan kepada masa depan yang kita semua kongsi.



...“Mistikal Titiwangsa”
menghidupkan semula
kisah rakyat yang
diwariskan dari satu
generasi ke generasi
berikutnya. Puteri
Gunung Ledang dan Si
Tanggung bangkit
dalam bentuk baharu...